

03 JUL 2000

Senjata-Shafie

KES ROMPAKAN SENJATA: RAKYAT TEMPATAN DISYAKI TERLIBAT

GERIK, 3 Julai (Bernama) -- Pihak berkuasa percaya kesemua 15 lelaki yang terlibat dalam kes rompakan lebih 100 senjata di sini pagi semalam merupakan rakyat tempatan dan mereka juga dipercayai masih berada dalam negara.

Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Shafie Apdal berkata hari ini berdasarkan laporan yang diterima, tidak ada rakyat asing yang terlibat dalam kejadian itu.

"Setakat ini berdasarkan laporan yang kita terima tidak ada (rakyat asing yang terlibat)... saya amat yakin mereka mereka masih berada dalam negara," katanya ketika ditemui pemberita selepas mendengar taklimat di Kem Wataniah 304 di sini.

Ditanya sama ada kes itu melibatkan orang dalam beliau berkata: "Saya tidak begitu pasti mengenainya. Perkara ini sedang disiasat oleh pihak polis dan juga tentera."

Dalam kejadian pagi semalam, 15 lelaki yang memakai uniform celoreng tentera lengkap dengan pangkat dan beret, melarikan lebih 100 senjata api di dua tempat di sini.

Dalam kejadian pertama kira-kira 2.15 pagi, kumpulan berkenaan telah merampas 14 laras senjata api M16 dan peralatan komunikasi dari Pos Kawalan Tentera Sungai Rui dekat sini.

Kumpulan yang sama dipercayai menceroboh Kem Infantari Askar Wataniah 304 kira-kira 4.15 pagi yang sama dan melarikan senjata M16 sebanyak 80 laras, Steyr (dua laras), General Purpose Machine Gun (empat laras) dan Light Machine Gun (enam laras)

Turut dilarikan dari kem itu ialah peluru mortar MMHE (40 butir), peluru M16 (80 butir), pouch peluru (enam pasang), kelopak peluru untuk mesingan (98 unit), benet (26) dan flare tripwire (54 unit).

Shafie berkata pihak berkuasa tidak menolak kemungkinan senjata api yang dilarikan itu akan digunakan untuk menahan tebusan ataupun untuk tujuan lain.

"Semua perkara kita tak boleh nak dispute. Mungkin berbagai perkara yang boleh berlaku. Itu sebab kita kena berjaga-jaga setiap waktu," kata Shafie yang turut melawat sekitar kawasan kem terbabit.

Wakil media yang berkumpul di luar kem yang dikawal ketat itu hanya dibenarkan melihat dari jarak 200 meter manakala jurugambar dilarang mengambil sebarang gambar.

Shafie yang enggan memberitahu sama ada pihak berkuasa telah mendapat sebarang petunjuk mengenai kumpulan tersebut, berkata apa yang penting adalah untuk menyelesaikan kes itu secepat mungkin.

Beliau turut menasihatkan orang ramai yang melihat sebarang keadaan yang mencurigakan di kawasan mereka supaya menghubungi pihak berkuasa.

"Ini dapat memudahkan kita memperolehi berbagai-bagai maklumat dan mengambil tindakan seterusnya," katanya.

Beliau turut memberi jaminan keadaan keselamatan terutamanya di Gerik adalah terkawal.

Mengenai tahap kawalan di kem tentera seluruh negara, Shafie berkata semua kawasan tentera telah diarahkan supaya berjaga-jaga dan memperketatkan kawalan.

Beliau berkata tidak perlu untuk kerajaan menukar pasukan pengawal keselamatan di kem tentera kerana mereka kesemuanya anggota tentera yang telah diberikan latihan secukupnya

Sementara itu di IPOH, kawalan keselamatan yang melebihi tahap biasa terdapat di sekitar tempat berlangsungnya mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di kediaman Menteri Besar.

Mesyuarat itu, yang pertama dibuat di luar ibu negara pada, pada mulanya dijadualkan di Bilik Gerakan Negeri di Bangunan Perak Darul Ridzuan tetapi diubah ke kediaman Menteri Besar lewat semalam.

Anggota polis dan Pasukan Gerakan Am (PGA) yang lengkap bersenjata kelihatan di sekitar bandar raya ini manakala beberapa kenderaan PGA termasuk kereta perisai diletakkan di kawasan-kawasan strategik.

Ipoh kini menjadi tumpuan pemimpin negara termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan mesyuarat MT Umno itu.

-- BERNAMA

HJ NMO